

BAB TIGA

EVOLUSI DAN PERKEMBANGAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

BAB 3

EVOLUSI DAN PERKEMBANGAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan mengenai evolusi pengurusan Islam dalam sektor awam di Malaysia. Seterusnya bab ini akan membincangkan perkembangan nilai-nilai moral yang tinggi dalam sektor awam dan juga usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran negara.

3.1 EVOLUSI PENGURUSAN ISLAM DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA.

Pengurusan Islam mula bertapak di Malaysia seiring dengan kemasukan Islam ke negara ini. Penyebaran agama Islam di Nusantara telah membawa kepada kelahiran kerajaan Islam yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan Islam ke Melaka pada tahun 1414M yang dibawa oleh Parameswara telah membuka lembaran baru dalam perluasan syiar Islam di sekitar Semenanjung Tanah Melayu¹. Kerajaan Islam di Melaka melalui pentadbiran dan pengurusan yang cekap, telah memberi sumbangan penting dalam penyebaran agama Islam di negara ini. Pendekatan dan konsep penting dalam pengurusan dan pentadbiran mula dibicarakan oleh penganut-penganut agama Islam di situ.

Menerusi dakwah Islamiah yang begitu berpengaruh, Melaka telah menyebarkan agama Islam ke negeri-negeri yang ditaklukinya sama ada di Tanah Melayu mahupun Sumatera seperti Pahang, Terengganu, Kedah, Patani, Johor, Kampar, Inderagiri, Rokan, Siak dan Bengkalis. Melaka pada waktu itu muncul sebagai sebuah empayar Islam yang penting dan teragung di Gugusan Kepulauan Melayu². Istana Melaka telah berperanan sebagai pusat dakwah yang disampaikan oleh ulama'-ulama' bagi menyebarkan Islam.

Kedudukan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam makin bertambah maju dan dianggap penting oleh semua pihak. Ramai tokoh-tokoh Islam dari luar negara datang ke Melaka seperti orang-orang Afghanistan, Melbari, Hindustan dan lain-lain terutamanya dari bangsa Arab. Antara tokoh-tokoh yang merupakan ulama' dan Sarjana Islam yang muncul pada waktu itu ialah seperti Sayyid 'Abd Al-Aziz, Maulana Sadar Johan, Maulana Jalal-al-Din dan sebagainya. Para ulama' bukan sahaja diberi kedudukan dan berfungsi sebagai guru agama yang semata-mata bertanggungjawab dalam hal-hal keagamaan bahkan mereka diberi peranan yang luas dan diletakkan setaraf dengan golongan pembesar dan pentadbir. Mereka adalah antara tokoh-tokoh penting yang menjadi rujukan utama oleh pentadbir negeri untuk mendalami seni pengurusan dan pentadbiran Islam.

Pengaruh Islam di Malaysia terus berkembang dari masa ke semasa. Perubahan dan perkembangan ini terbukti apabila Malaysia dilihat sebagai antara negara Islam yang menonjol di dunia hari ini³. Perkara ini tidak dapat disangkal

lagi kerana pengaruh agama Islam dan kebudayaan Islam telah lama bertapak di Malaysia. Fenomena ini dapat dilihat apabila kerajaan Malaysia telah mengambil langkah dalam menyalurkan prinsip-prinsip Pengurusan Islam ini ke dalam tatakerja, terutama di kalangan kakitangan kerajaan menerusi dasar-dasar yang diperkenalkan.

Proses Islamisasi dalam sektor awam di Malaysia bermula secara berperingkat sejak negara mencapai kemerdekaan lagi. Walaupun Islam ialah agama Persekutuan bagi Malaysia seperti yang termaktub dalam Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan, namun ia terbatas kepada perkara yang berhubung dengan bantuan kewangan bagi meninggikan syiar Islam, menetapkan Yang di-Pertuan Agong terdiri daripada orang Islam, disamping menyekat dan mengawal penyebaran agama lain kepada orang-orang Islam, begitu juga dengan beberapa upacara rasmi negara⁴. Isu-isu yang berkaitan dengan model pengurusan berteraskan Islam tidak dijelaskan secara terperinci dalam perlembagaan. Berdasarkan faktor inilah, maka satu usaha yang berterusan dan berperingkat telah dilakukan oleh Kerajaan untuk mengetengahkan konsep pengurusan dan pentadbiran berteraskan Islam.

Di Malaysia, Hal Ehwal Agama Islam telah ditadbir oleh kerajaan negeri dan perlaksanaannya berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain⁵. Menyedari hakikat ini, Kerajaan berpendapat perlunya kewujudan sebuah badan di peringkat Persekutuan untuk menyelaraskan pentadbiran Islam di Malaysia.

Setelah melalui beberapa rundingan, akhirnya kerajaan telah menubuhkan Sekretariat Majlis Hal Ehwal Islam Malaysia pada 1968. Penubuhannya adalah salah satu daripada usaha untuk menyeragam dan menyelaraskan pentadbiran Hal Ehwal Islam agar kelihatan sistematik dan efisyen. Ia juga diharapkan berperanan dalam menyuntik dan mengetengahkan model pengurusan yang bersepadu berteraskan Islam agar dapat dijadikan contoh buat jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Fungsi sekretariat ini mula berkembang pada tahun 1974 apabila telah diperluaskan bidang tanggungjawabnya kepada pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), pentadbiran masjid, Pusat Penyelidikan Islam serta Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH).

Selaras dengan perluasan bidang tugasnya, ia diharap dapat berperanan dalam meninggikan syiar Islam dan menjadi model sebuah pengurusan organisasi berteraskan Islam. Usaha ini dilihat sebagai menggambarkan kesungguhan Kerajaan dalam mengiktiraf prinsip-prinsip dan nilai-nilai pengurusan secara Islam dan seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan awam di Malaysia.

Prinsip-prinsip dan nilai-nilai Pengurusan Islam mula dibahaskan secara terang-terang bermula sejak awal 80-an lagi. Ia mula dicetuskan apabila Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Seminar Kebangsaan Mengenai Konsep Pembangunan dalam Islam, sempena menyambut ketibaan abad ke 15 Hijrah pada 10 Mac 1981 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam majlis tersebut, beliau telah mengesyorkan agar dibentuk satu badan

perunding yang akan berbincang berhubung nilai-nilai Islam yang patut dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan. Badan itu dinamakan sebagai Badan Perunding Islam pada 16 Jun 1981.

Langkah pertama yang ditunjukkan oleh kerajaan melalui penubuhan badan perunding itu ialah melaksanakan satu dasar iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia. Dasar tersebut telah diketengahkan pada tahun 1982 dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke 34, iaitu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan ucapan dasarnya. (Rujuk lampiran 2)

Bermula dari tahun 1982, pelbagai usaha telah dilakukan untuk merealisasikan dasar yang telah dirangka bersama. Antaranya termasuklah melaksanakan beberapa seminar, bengkel, ceramah dan sebagainya untuk meningkatkan kefahaman kakitangan sektor awam terhadap dasar yang telah diutarakan, mendokumentasikan bahan-bahan rujukan, menerbitkan beberapa penerbitan rasmi yang berkaitan konsep-konsep nilai Islam dalam pengurusan dan merancang beberapa strategi serta rancangan kaedah perlaksanaannya.

Seterusnya, institusi agama di peringkat persekutuan ini telah dikemaskini dari semasa ke semasa hingga ke membaik kepada penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) secara rasmi pada 1 Januari 1997. Ia memikul

tanggungjawab untuk memastikan pentadbiran di Malaysia berlandaskan model pengurusan yang bersepadu dan berteraskan Islam.

3.2 PERKEMBANGAN NILAI DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

Bagi menjamin perpaduan dan keamanan negara, penekanan terhadap pengamalan nilai sejagat perlu diamalkan secara bersama oleh semua bangsa dan agama.

Proses pembudayaan nilai-nilai moral yang tinggi dalam perkhidmatan awam telah bermula sejak tahun 60an lagi. Ia dilakukan demi memenuhi hasrat negara untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi. Pengamalan nilai sejagat dalam perkhidmatan awam merupakan serampang utama yang akan dapat melahirkan kecemerlangan dalam perkhidmatan yang diberikan.

Jika dilihat dari segi perkembangan dan peningkatan dalam pengamalan nilai, terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan demi membuktikan bahawa perjuangan pembudayaan nilai ini bukannya suatu perkara yang kecil dan tidak penting. Bermula pada tahun 60an, terdapat pelbagai program yang dilakukan seperti mesyuarat pagi (*morning prayers*) yang

menekankan kemantapan perancangan dan ketepatan pencapaian dari segi fizikal, wang dan masa.

Peringkat perubahan seterusnya berlanjutan hingga ke tahun 1970an apabila kerajaan memperkenalkan program-program yang menekankan struktur dan sistem. Nilai yang ditekankan pada waktu itu termasuklah keberkesanan dan pencapaian matlamat.

Dalam tahun 1980an, pemupukan nilai-nilai murni sejagat, khususnya nilai-nilai Islam telah digerakkan dengan lebih ketara lagi. Ini terbukti apabila kerajaan telah melancarkan suatu dasar khusus yang berkaitan dengan pengamalan nilai iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Selain itu, Dasar Penswastaan, Dasar Pensyarikatan Malaysia dan sebagainya turut diperkenalkan. Dasar-dasar yang diperkenalkan ini memaksa penjawat awam untuk turut mengamalkan nilai-nilai penting dalam urusan kerja harian seperti nilai kerja berpasukan, tanggungjawab bersama (antara sektor awam dan swasta), bertanggungjawab, kepemimpinan yang cekap dan sebaginya.

Selanjutnya, usaha-usaha pembudayaan nilai ini menjadi lebih serius dalam tahun 1990an. Ia dibuat secara besar-besaran khususnya melalui pengeluaran Pekeliling-pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA). Beberapa bentuk program telah dirancang demi untuk merealisasikan harapan untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Antaranya termasuklah Pengurusan

Kualiti Menyeluruh (TQM), Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), pengukuran prestasi dan sebagainya. Nilai-nilai yang ditekankan dalam program-program ini meliputi usaha-usaha pembudayaan nilai cemerlang, produktiviti, kualiti perkhidmatan, meningkatkan akauntabiliti, disiplin diri dan sebagainya. Penekanan khusus diberikan kepada nilai-nilai Islam dan nilai-nilai murni sejagat dalam mengubah dan memperbaiki dimensi sikap serta perilaku penjawat-penjawat awam.

3.3 PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DI MALAYSIA

Di Malaysia, program penerapan nilai-nilai Islam dalam pengurusan negara amat dititikberatkan. Ia bukanlah suatu perkara baru untuk dibincangkan. Malaysia telah mengiktiraf Islam sebagai agama yang sempurna yang mencakupi seluruh aspek kehidupan. Elemen nilai di dalam Islam dapat diterima oleh pemikiran manusia sejagat sebagai nilai yang dapat membangunkan tamadun manusia⁶.

Nilai-nilai Islam mula disuntik secara rasmi oleh kerajaan bermula pada tahun 1960an apabila kerajaan memperkenalkan Sistem Buku Merah dalam pentadbiran. Penglibatan Raja-raja dan kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha untuk mengetengahkan Islam sebagai suatu cara hidup juga tidak dapat disangkal. Usaha-usaha ini termasuklah pembinaan surau dan masjid sebagai tempat ibadah, pengurusan zakat dan Baitulmal, mewujudkan mahkamah syariah,

merangka sistem pendidikan berdasarkan agama dan lain-lain lagi. Usaha-usaha ini telah dilakukan secara berperingkat dan berterusan dari semasa ke semasa. Ia sentiasa diperkemaskan bagi menjamin kecekapan dan kualiti yang dihasilkan.

Perkembangan Islam di seluruh dunia banyak memberi kesedaran dan kesan kepada negara ini. Pengaruh yang cukup kuat itu memaksa kerajaan untuk melakukan pelbagai usaha bagi mengukuhkan lagi program-program hal ehwal Islam di Malaysia. Antaranya termasuklah:

- I. Penubuhan sekolah-sekolah agama berasrama penuh di seluruh negara
- II. Penubuhan Bank Islam Malaysia pada 1983
- III. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa pada 1983
- IV. Penubuhan Syarikat Takaful (insuran Islam) pada 1984
- V. Penubuhan Badan Perunding Islam
- VI. Penyusunan semula Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan menukuhkan Kumpulan Wang Amal Jariah pada 1984
- VII. Menyusun dan menerbitkan Etika Kerja Islam pada 1984
- VIII. Pinjaman perumahan cara Islam
- IX. Usaha-usaha untuk mengurangkan penglibatan dengan aktiviti perjudian.
- X. Penubuhan Pusat Islam

Kesinambungan dari usaha-usaha ini, kerajaan telah memperkenal dan melancarkan satu lagi usaha yang dipanggil 'Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran'. Ia dilihat sebagai kesungguhan kerajaan Malaysia untuk

memasukkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan masyarakat awam secara keseluruhannya.

Penerapan nilai-nilai Islam yang dimaksudkan oleh kerajaan ialah suatu bentuk rancangan kerajaan untuk menanamkan nilai-nilai yang murni dan membina ke dalam pentadbiran negara sebagai suatu jambatan yang diamanahkan dengan tanggungjawab pemerintah yang berteraskan keyakinan dan keimanan⁷.

Kerajaan memberi perhatian yang lebih dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara ialah kerana melihat Islam sebagai sebuah agama yang sempurna dan menyeluruh sifatnya. Pendirian kerajaan Malaysia dalam perkara ini adalah seperti berikut:

'Kerajaan Malaysia mengakui bahawa Islam telah menentukan beberapa nilai dalam pentadbiran bagi menjamin kelincinan pengurusan. Inilah suatu bidang yang telah mendapat perhatian utama dalam sejarah penubuhan sesuatu negara sebagaimana yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Bidang inilah yang telah dipilih oleh kerajaan Malaysia di peringkat ini untuk dijadikan sebagai komponen pertama dalam menerapkan nilai-nilai Islam. Dalam konteks ini tidaklah seharusnya timbul persoalan tentang kenapa keutamaan kepada pentadbiran diberikan tanpa bidang-bidang yang lain. Pemilihan ini adalah antara lain berasaskan tanggungjawab Kerajaan yang utama terhadap jentera-jentera pentadbirannya yang menjadi saluran terpenting dalam melaksanakan sesuatu dasar. Sekiranya saluran terpenting ini terbiar maka sudah tentu tidak dapat terjamin kejayaan bagi rancangan-rancangan yang diatur. Oleh kerana itu adalah sangat wajar pentadbiran

diberikan keutamaan sebagai langkah permulaan bagi menjalankan usaha-usaha yang lebih besar sehingga pada akhirnya dapat dibentuk sebuah negara yang kuat dan disegani⁸.

Kerajaan berpendapat bahawa dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama, adalah perlu diamalkan suatu nilai yang dapat diterima oleh semua masyarakat keseluruhannya⁹. Ini penting dalam membentuk identiti dan perpaduan negara. Tanpa nilai yang universal ini, tidak akan wujud kesepakatan dalam pengamalan nilai harian dan ini juga boleh mendorong masyarakat untuk beralih dan memandang nilai-nilai asing yang tidak sesuai dengan budaya dan kehidupan di Malaysia. Jika ini berlaku, maka identiti Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan cara hidup ketimuran akan terhakis dan perpaduan menjadi sukar untuk dicapai.

Bagi merealisasikan dasar ini, kerajaan telah merangka satu rancangan khas yang diberi nama 'Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam'. Apa yang dimaksudkan dengan rancangan ini ialah pelan tindakan kerajaan dalam memberi bimbingan pembentukan akhlak kepada setiap rakyat. Ia bagi menjamin sebuah kehidupan yang berfaedah, menuju kearah ketinggian maruah di samping menanam nilai-nilai yang membina dalam pentadbiran dan pengurusan negara.

Unsur-unsur nilai adalah unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan-urusan kehidupan terutamanya dalam pentadbiran sesebuah negara. Kerajaan telah mengetengahkan sepuluh

nilai-nilai utama yang perlu dihayati dan diamalkan dengan sepenuhnya.

Antaranya ialah:¹⁰

a) Amanah

Dalam Islam, amanah merupakan perkara pertama dibentangkan oleh Allah kepada kejadian-kejadian seperti langit, bumi dan bukit bukau untuk memikul bebanan yang sangat penting iaitu bekerja mengabdikan diri mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Walaubagaimanapun, kesemua kejadian tersebut telah menolak kerana tidak sanggup memikul amanah tersebut. Akhirnya, amanah tersebut iaitu untuk mentadbir alam ini telah diterima oleh manusia. Dengan itu, setiap insan mestilah menyedari bahawa setiap langkah dan setiap saat yang dihadapi dalam dunia ini adalah di dalam lingkungan amanah yang telah diterima dari Allah pada awalnya. Setiap insan perlu amanah kepada dirinya, keluarganya, kerjanya dan negaranya di samping menunaikan amanah yang diserahkan oleh agama.

b) Tanggungjawab

Tanggungjawab merupakan salah satu kunci kejayaan dalam pengurusan. Setiap insan perlu bertanggungjawab terhadap setiap tugas yang dilakukannya. Dalam sesuatu organisasi, semua anggota kumpulan mempunyai tanggungjawab masing-masing. Yang memimpin bertanggungjawab kepada yang dipimpin, dan orang yang dipimpin pula bertanggungjawab kepada pemimpinnya.

c) Ikhlas

Sikap ikhlas adalah merupakan satu nilai yang melambangkan kesucian dan kebersihan hati seseorang. Ia sangat penting kepada seseorang individu dalam menjalankan tugas serta tanggungjawabnya. Memandangkan pentingnya sifat ikhlas ini, Allah telah menekankan perkara ini beberapa kali di dalam Al-Quran dengan firmannya:

Katakanlah lagi (wahai Muhammad):"Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhaskan segala ibadat kepadaNya" (Az-Zumar :11)

d) Dedikasi

Di dalam Islam, setiap individu dikehendaki memulakan usaha dengan mengambil beberapa inisiatif bagi mengerakkan setiap masyarakat ke arah yang dicitacitakan. Sikap mengharapkan orang lain bertindak adalah bercanggah dengan semangat nilai yang terdapat dalam Islam. Sikap menonton sahaja tidak sesuai diamalkan kerana ia boleh melemahkan masyarakat keseluruhannya.

e) Sederhana

Kesederhanaan merupakan satu sikap yang menolak sifat keterlaluan. Keterlaluan yang dimaksudkan ialah sama ada keterlaluan dalam pembaziran, keterlaluan dalam menetapkan sesuatu peraturan atau perbelanjaan. Kesederhanaan penting bagi menjamin perkembangan dan kemajuan sesuatu umat.

f) Tekun

Islam menekankan agar seseorang itu sentiasa mengekalkan usaha-usahanya yang baik kerana amalan tersebut boleh meninggalkan kesan yang positif kepada semua pihak.

g) Bersih

Kebersihan merupakan satu ciri penting dalam kehidupan manusia. Islam menekankan kebersihan hati, pakaian, tempat, kawasan dan juga bersih dalam urusan pemilikan harta serta pentadbiran. Konsep kebersihan yang menyeluruh ini adalah merupakan satu nilai yang sangat penting untuk diamalkan kerana dari kebersihan ini akan terbentuklah kesihatan fizikal dan jiwa. Bersesuaian dengan konsep ini, Allah telah berfirman dengan maksudnya:

"Dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)" (At-Taubah:108)

h) Berdisiplin

Agama Islam telah menentukan beberapa amalan fardhu yang melatih bukan sahaja aspek-aspek fizikal tetapi juga aspek kejiwaan. Kesemua amalan-amalan tersebut adalah diasaskan kepada disiplin tertentu yang mesti dipatuhi apabila sesuatu kerja dijalankan.

i) Bekerjasama

Kehidupan manusia tidak boleh terlepas daripada bantuan orang-orang lain kerana kemampuan seseorang manusia adalah terhad. Memandangkan kepada

hakikat inilah maka Allah telah menekankan konsep kerjasama ini sebagaimana firmannya:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolong pada melakukan dosa dan pencerobohan" (Al-Maidah:2)

j) Berbudi mulia

Keindahan dalam masyarakat manusia ialah kerana adanya budi mulia. Sikap ini perlu diasuh sepanjang masa bagi menjamin keindahan dalam kehidupan. Pendidikan yang berterusan perlu dilakukan bagi menjauahkan perbuatan-perbuatan buruk yang berpunca dari hilangnya kemuliaan budi. Kemuliaan budilah yang membezakan manusia dari kehidupan yang liar.

k) Bersyukur

Sikap suka bersyukur serta berterima kasih dapat memberikan kesedaran tentang banyaknya nikmat yang telah dikecapi. Rasa kesyukuran yang dilafazkan itu boleh menggerakkan seseorang itu untuk melipatgandakan usahanya. Ini berdasarkan firman Allah di dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Oleh itu, ingatlah kamu kepada Aku, supaya Aku membala kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada Aku dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)" (Al-Baqarah:152)

Nilai-nilai yang telah diterangkan ini diberi penekanan kerana kerajaan berpendapat bahawa ia boleh diterima oleh semua bangsa dan agama. Ia sedikitpun tidak bertentangan dengan nilai-nilai agama lain dan tidak juga bertentangan dengan kepercayaan mereka. Nilai-nilai Islam ini juga dilihat sebagai kunci kejayaan dalam menjalankan urusan kehidupan terutamanya dalam pengurusan sesebuah negara.

Usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini telah dibuat secara berperingkat dan berterusan bagi menjamin mesej yang tepat diperolehi oleh semua kakitangan awam. Kerajaan telah melakukan pelbagai cara untuk menjelas dan menerangkannya kepada semua memandangkan ia adalah sesuatu yang amat penting bagi menjamin pembangunan yang seimbang dalam negara ini. Antara usaha-usaha yang dilakukan termasuklah:

- I. Mengadakan ceramah / seminar / bengkel / dialog / siri-siri latihan yang berkaitan dengan penerapan nilai-nilai Islam
- II. Mengeluarkan pekeliling
- III. Menerbitkan buku/buku panduan dan risalah
- IV. Memasukkan elemen-elemen agama dalam ucapan-ucapan penting dan taklimat
- V. Sistem Inspektorat Perkhidmatan Awam
- VI. Tindakan tatatertib
- VII. Temuduga dan peperiksaan yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam

Kejayaan usaha-usaha kerajaan ini banyak bergantung kepada faktor-faktor tertentu. Antara lainnya termasuklah kestabilan dan kemampuan politik negara, perlaksaan yang cekap dan berkesan, sumber kewangan yang mencukupi, dan yang paling penting kesediaan masyarakat dan kakitangan awam untuk menerima dan membuat perubahan dalam diri mereka sendiri.

Tanggungjawab untuk mengetengahkan nilai-nilai Islam ini bukanlah harus dipikul oleh kerajaan semata-mata. Peranan yang dimainkan oleh parti-parti pembangkang, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan sebagainya banyak membantu dalam usaha untuk merealisasikan harapan untuk melihat nilai-nilai Islam subur dalam pengurusan negara ini.

3.4 KESIMPULAN

Bab ini telah dapat membuktikan bahawa ilmu pengurusan Islam mula bertapak di Malaysia seiring dengan kemasukan agama Islam ke negara ini. Namun, usaha-usaha untuk memartabatkan prinsip-prinsip pengurusan Islam hanya bermula dengan lebih tersusun selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Perkembangan Islam di seluruh dunia banyak memberi kesedaran kepada kerajaan Malaysia untuk mengukuhkan lagi program-program hal ehwal Islam di Malaysia.

Dalam melakukan satu anjakan baru terhadap pengurusan dan pentadbiran di Malaysia, maka semua pihak perlulah bekerjasama dan bantu membantu demi memastikan usaha-usaha untuk memartabatkan prinsip-prinsip pengurusan Islam dapat dilaksanakan dengan jayanya. Peranan sektor swasta, badan bukan kerajaan, ahli akademik, parti-parti pembangkang dan orang perseorangan perlu disatukan bagi merealisasikan harapan untuk melihat nilai-nilai Islam subur dalam pengurusan negara.

- 1 Mohd. Nazri Ibrahim, et.al *Perspektif Islam di Malaysia*, Jabatan Pengajian Media Universiti
Malaya 1998 hlm 4. Selepas ini dirujuk sebagai *Islam di Malaysia*.
- 2 Ibid, hlm 8
- 3 Ibid, hlm 15
- 4 Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, Al-Rahmaniah 1990, hlm 213
- 5 *Islam di Malaysia*, hlm 76
- 6 *Panduan Penerapan Nilai-nilai Islam*, Penerbitan Rasmi Kerajaan, Bahagian Hal Ehwal Agama
Islam, Jabatan Perdana Menteri, Siri 2 hlm 5. Selepas ini dirujuk sebagai Panduan Penerapan Nilai
- 7 Ibid, hlm 8
- 8 *Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam*, Penerbitan Rasmi Kerajaan, Bahagian Hal Ehwal Agama
Islam, Jabatan Perdana Menteri, Siri 1, hlm 8
- 9 *Panduan Penerapan Nilai*, hlm 2
- 10 Ibid, hlm 10